



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.15 / 2019

SPR PAMER RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU KEEMPAT TAHUN 2018 MULAI ESOK.

1. Dalam tempoh urusan pendaftaran pemilih Suku Tahun Keempat Tahun 2018 (ST4/2018), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak **12,914** permohonan pendaftaran pemilih baru daripada warganegara yang layak dan **6,791** permohonan pertukaran bahagian pilihan raya daripada pemilih berdaftar.
2. Selaras dengan peruntukan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi ST4/2018 akan **dipamerkan selama 14 hari mulai 29 Januari hingga 11 Februari 2019** di 958 tempat-tempat pameran di seluruh Negara seperti di Lampiran.
3. Pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baharu dan pemilih berdaftar yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018 dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam Rang DPT ST4/2018. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam Rang DPT ST4/2018, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** melalui **Borang B**.
4. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama mana-mana orang di dalam Rang DPT ST2/2018 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi **Borang C**.

5. Tuntutan atau Bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran Rang DPT itu diadakan.

6. Semasa tempoh Pameran Rang DPT ST4/2018, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih. Antara asas SPR mengeluarkan nama pemilih berkenaan daripada daftar pemilih ialah kerana mereka ini telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan berdasarkan peruntukan Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

7. SPR juga melalui kerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mendapatkan maklumat pegawai dan anggota Polis dan Tentera yang telah menamatkan perkhidmatan. Berdasarkan maklumat tersebut, SPR akan mengemas kini maklumat lokaliti mereka daripada lokaliti Polis dan Tentera kepada lokaliti awam tetapi kekal dalam kawasan pendaftaran (Parlimen dan DUN) masing-masing.

8. Tindakan pengemaskinian ini adalah bagi memastikan mereka akan mengundi sebagai Pengundi Biasa dan bukan lagi sebagai Pengundi Awal kerana mereka telah tamat perkhidmatan Polis atau Tentera. Jumlah yang terlibat ialah seramai **49,850 orang** yang terdiri daripada 24,215 orang pesara Tentera, **16,162 orang** pasangan pesara tentera, **8,988** pesara Polis dan **485** orang pasangan pesara Polis PGA. Semua nama pesara Tentera dan Polis serta pasangan ini juga dipamerkan pada Pameran Rang DPT kali ini.

9. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baru dan pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018 supaya membuat semakan nama mereka di tempat-tempat yang diwartakan.

10. Sebarang pertanyaan mengenai pameran Rang DPT ST4/2018 boleh menghubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon **03-8892 7018** atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di www.spr.gov.my atau menerusi aplikasi telefon pintar MySPR Semak untuk menyemak senarai nama yang dipamerkan dalam Rang DPT ST4/2018.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 28 Januari 2019 / 22 Jamadil Awal 1440H

LAMPIRAN

JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT) SUKU TAHUN KEEMPAT TAHUN 2018

BIL	TEMPAT	JUMLAH TEMPAT
1	Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2	Pejabat Pos Berkomputer	432
3	Kompleks / Pejabat Kerajaan	88
4	Pejabat Daerah / Pejabat Tanah	170
5	Majlis Daerah / Perbandaran	65
6	Dewan Serbaguna / Rukun Tetangga / Balai Raya / Pejabat Penghulu / Dewan	171
7	Lain-Lain Tempat	17
	JUMLAH	958